

Tahun Melawat Malaysia 2026 bawa manfaat pelbagai sektor

Hong Leong Investment Bank (HLIB) menjangkakan peluang besar bagi sektor pelancongan Malaysia menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026), dengan permintaan perjalanan global yang semakin pulih dan mobiliti serantau kembali normal.

Bank pelaburan itu melihat kitaran pelancongan akan menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi, menyokong pelbagai industri termasuk penerbangan, hospitaliti, runcit, makanan dan minuman (F&B), serta perkhidmatan.

Naib Presiden Kanan dan Ketua Jualan Institusi HLIB, Wan Kharuddin Ungku Md Khalid, berkata TMM2026 bukan sekadar kempen pelancongan tetapi peluang strategik untuk syarikat Malaysia memanfaatkan kitaran pelancongan, memperluas pasaran, membezakan diri, dan membina daya saing jangka panjang.

“TMM2026 berlangsung pada waktu perjalanan serantau kembali normal dan keyakinan pengguna semakin meningkat. Situasi ini menjana kesan ganda-

an yang kukuh ke atas sektor penerbangan, hospitaliti, runcit, F&B, dan perkhidmatan.

“Bagi syarikat Malaysia, kitaran pelancongan ini bukan sekadar soal permintaan semata-mata, tetapi juga peluang untuk berkembang, membezakan diri, dan membina daya saing jangka panjang,” katanya pada Persidangan Bursa Malaysia - Hong Leong Investment Bank Stratum Focus Series ke-20 di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, pemulihan aliran perjalanan serantau, peningkatan sambungan penerbangan, serta pertumbuhan platform tempahan digital dijangka memberi kesan gandaan kepada ekonomi tempatan.

HLIB menekankan kerjasama sektor industri, inovasi perkhidmatan, dan pengukuhan ekosistem pelancongan adalah kunci untuk memaksimumkan potensi ekonomi daripada lonjakan pelawat pada 2026.

HLIB bersama Bursa Malaysia semalam menganjurkan Stratum Focus Series ke-20, bertemakan *Tourism: Visit Malaysia Year 2026 - Scaling New Heights*, yang

menghimpunkan pakar industri bagi membincangkan kesiapsiagaan Malaysia dalam menarik pelawat serta strategi meningkatkan daya saing sektor pelancongan.

Persidangan ini menghimpunkan pemimpin industri termasuk Pengarah Kanan, Bahagian Perancangan Strategik, Malaysia Tourism Promotion Board (Tourism Malaysia), Salinda Sany; Pengarah Bersama Strategi, Ekonomi & Polisi, Frost & Sullivan Malaysia, Chia Yi Han; Pengarah Agoda International, Fabian Teja Boegershausen; Ketua Komersial, AirAsia Malaysia, Liyana Mahizzan; Pengarah Eksekutif, Oriental Kopi Holdings Bhd, Callie Chan Yen Min; Ketua Pegawai Eksekutif Optimax Holdings Bhd, Sandy Tan Sing Yee dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Aquawalk Group Bhd, Daryl Foong.

Pemimpin lain turut menyorot kepentingan meningkatkan ketersambungan, standard perkhidmatan, dan pengalaman pelawat yang unik bagi memastikan Malaysia terus menjadi destinasi pilihan di rantau ini.